



UCAPAN

MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN RISDA BIL.6/2016

OLEH:

Y.B. DATUK ZAHIDI BIN ZAINUL ABIDIN

PENGERUSI RISDA

Bismillahirrahmannirrahim.

Yang Berusaha Saudari Pengerusi Majlis,

Yang Berbahagia Tn.Hj Mohd.Najib bin A.Samad,
Ketua Pengarah RISDA

Yang Berusaha Tuan Haji Mohd Ghazali Bin Abd Majid
Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)

Yang Berusaha Tuan Haji Ihwan Bin Sudim
Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan & Korporat)

MS 2

Yang Berusaha En. Mohamed Nazri bin Baharudin
Pengarah Bahagian Inspektorat dan Audit Dalam

Semua Pengarah- Pengarah Bahagian

Semua CEO Syarikat Milikan RISDA

MS 3

Dato-Dato, Datin-Datin, Tuan-tuan dan Puan-puan warga RISDA yang dikasihi sekalian.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Salam 1Malaysia , Salam Sehati Sejiwa, Salam Kasih Sayang

MS 4

1. Syukur Alhamdulillah, pertamanya marilah kita memanjatkan kesyukuran kehadiran ALLAH SWT kerana dengan limpah dan izinNya kita masih lagi dapat berhimpun bersama-sama di dalam Auditorium Sultan Ahmad Shah ini bagi menjayakan perhimpunan bulanan bil 6/2016 anjuran Bahagian Inspektorat dan Audit Dalam (BIAD).
2. Sesungguhnya saya amat gembira dan berasa senang sekali kerana dapat bersama-sama dengan Tuan-tuan dan Puan-puan seluruh warga RISDA pada hari ini di dalam satu perhimpunan yang mana saya dapat

MS 5

berjumpa dengan tuan-tuan dan puan-puan untuk kita sama-sama berinteraksi dan berkomunikasi secara terus dan selain itu juga saya

dapat berkongsi mengenai isu-isu semasa berkenaan hal ehwal negara dan juga RISDA secara keseluruhannya.

3. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan syabas dan tahniah kepada Bahagian Inspektorat dan Audit Dalam selaku hos

MS 6

atau tuan rumah bagi Majlis Perhimpunan Bulanan RISDA pada kali ini.

Para hadirin sekalian,

MS 7

4. Seperti mana biasa, setiap Bahagian yang telah pun menjadi hos atau tuan rumah kepada perhimpunan bulanan yang lalu mempunyai tema mereka sendiri. BIAD (Bahagian Inspektorat dan Audit Dalam) juga dalam perhimpunan bulanan ini mempunyai tema mereka sendiri iaitu **“Kami Sedia Membantu”**.

5. Saya tertarik dengan tema ini kerana ianya membawa maksud bahawa pihak Audit bukanlah mencari salah tetapi sebenarnya membantu pihak Auditee untuk menjadi lebih cemerlang.

MS 8

6. Untuk makluman semua, BIAD merupakan salah satu Bahagian yang mempunyai **misi melaksanakan pengauditan yang bebas dan berintegriti** dan mempunyai **objektif membantu pengurusan RISDA menjalankan pengauditan ke atas program dan aktiviti bagi memastikan dasar dan peraturan di patuhi serta pelaksanaannya di buat secara cekap dan berkesan,**

7. Oleh yang demikian, saya ingin menyeru semua warga RISDA yang ada disini atau di seluruh negara, untuk menjadi warga kerja yang menjalankan kerja mengikut peraturan-peraturan yang telah sedia ada

MS 9

serta mengamalkan nilai-nilai murni dan etika kerja dalam perkhidmatan awam di samping memelihara integriti perkhidmatan pada setiap masa. Ini adalah penting agar perkara-perkara yang tidak baik seperti penyelewengan, ketirisan dan pembaziran wang rakyat tidak berlaku.

8. Saya juga yakin setiap warga RISDA yang ada pada hari ini mempunyai kemampuan dan kredibiliti bagi memainkan peranan

MS 10

masing-masing dengan memberikan perkhidmatan yang terbaik agar RISDA terus unggul sebagai agensi Peneraju Pembangunan Pekebun Kecil.

9. Selaras dengan perkembangan semasa, Tranformasi merupakan salah satu perubahan yang sering diperkatakan pada masa kini. BIAD juga tidak ketinggalan dalam perubahan ini di mana Tranformasi yang telah di buat oleh BIAD adalah seperti berikut:

MS 11

- a. Melaksanakan pendekatan “**Kami Sedia Membantu**” yang mana logo di pakai oleh semua warga BIAD.,
- b. Mengujudkan Laporan Auditee yang ringkas dan mudah difahami oleh pihak auditee iaitu tindakan pembetulan dan “punitive” sahaja jika ada.
- c. Membuat penilaian prestasi auditee.
- d. Melaksanakan penggunaan “Telepresence” di dalam mesyuarat Bahagian,

MS 12

- e. Melaksanakan penggunaan teknologi Drone di dalam perhimpunan bulanan.

Hadiran Sekelian,

10. Walau pun kita sudah melewati Hari Kemerdekaan kita yang ke 59 pada 31 Ogos yang lalu dan Hari Penubuhan Malaysia pada 16 Sept 2016 yang lalu, saya kira masih tidak terlambat untuk saya mengucapkan selamat menyambut Hari Kemerdekaan Malaysia yang ke 59 serta selamat menyambut Hari Penubuhan Negara Malaysia.

MS 13

11. Saya berharap agar semua warga RISDA dapat menjiwai Semangat Kemerdekaan yang telah kita lalui selama 59 tahun yang mana ini merupakan hasil dari perjuangan para pemimpin-pemimpin kita yang terdahulu di dalam membebaskan negara kita dari belengu penjajahan.

12. Suka saya menyarankan agar Semangat Perjuangan pemimpin-pemimpin serta panglima-panglima terdahulu seperti Allahyarham Tun Abdul Rahman, Allahyarham Tun Abd Razak, Leftenan Adnan serta

MS 14

lain-lain dapat diserapkan ke dalam jiwa kita di dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai penjawat awam.

13. Ini bermaksud biar kita berkerja bersungguh-sungguh memperjuangkan dan membela nasib pekebun-pekebun kecil getah yang kebanyakannya bumiputera atau orang Melayu untuk berada di luar garis kehidupan kemiskinan menjelang tahun 2020 nanti.

MS 15

14. Dengan berbagai bentuk cabaran yang ada pada masa sekarang, tugas kita semakin mencabar dan cabaran ini lah yang sepatutnya menjadi asas perjuangan kita untuk memastikan objektif RISDA masih kekal relevan pada masa-masa akan datang.

Tuan-tuan/Puan-puan , hadirin hadirat yang saya hormati,

MS 16

15. Akhir kata saya sekali lagi mengucapkan tahniah dan syabas kepada Bahagian Inspektorat dan Audit Dalam (BIAD) selaku hos perhimpunan pada kali ini yang dapat mengelolakan perhimpunan ini dengan baik dan saya menaruh keyakinan bahawa Bahagian ini mampu mencapai objektif yang telah ditetapkan untuk sama-sama membantu pihak Pengurusan RISDA di dalam segala urusan yang telah di rancang.
16. Saya berharap tema “**KAMI SEDIA MEMBANTU**” oleh BIAD ini akan terus kekal menjadi satu budaya kerja di kalangan pegawai dan

MS 17

kakitangan Bahagian ini khususnya dan kepada semua warga RISDA
amnya.

17.

**Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum
Warrahmatullahi Wabarakatuh.**